

PENGARUH SISTEM SOKONGAN TERHADAP KELANGSUNGAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA KEUSAHAWANAN AGRO TANAMAN CENDAWAN KEPADA MURID BERKEPERLUAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

SUPPORT SYSTEM INFLUENCES TOWARDS THE VIABILITY OF TRANSITIONAL PROGRAMME IN AGRO ENTREPRENEURSHIP AMONG SPECIAL NEEDS STUDENTS WITH LEARNING DIFFICULTIES

Rosmiza Mohd Zainol¹

Program Geografi, Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: miza@ukm.edu.my)

Mimi Halida Ghazali²

Program Geografi, Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: mimihalida82@gmail.com)

Christina Andin³

Fakulti Psikologi dan Pendidikan,
Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(Email: christina@ums.edu.my)

Lam Kuok Choy⁴

Program Geografi, Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: lam@ukm.edu.my)

Accepted date: 23-04-2019

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Zainol, R. M., Ghazali, M. H., Andin, C., & Lam, K. C. (2019). Pengaruh Sistem Sokongan Terhadap Kelangsungan Program Transisi Kerjaya Keusahaawanan Agro Tanaman Cendawan Kepada Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 83-98.
DOI: 10.35631/IJMTSS.28009

Abstrak: Stigma masyarakat yang memandang rendah dan menghadkan peluang Orang Kelainan Upaya (OKU) diintegrasikan dalam organisasi pekerjaan menyebabkan golongan ini berada dalam kancang kemiskinan. Lantaran itu, golongan ini perlu diberi pendedahan seawal pendidikan formal bagi membina kemahiran vokasional terutamanya aspek keusahaawanan, agar mampu berdikari untuk meneruskan kerjaya pada masa hadapan. Kewujudan program tanaman cendawan oleh Pihak Berkua Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Pertubuhan

Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, Pulau Pinang kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) Bermasalah Pembelajaran dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah menengah harian dicetuskan sebagai satu program transisi asas kerjaya dalam bidang keusahawanan agro. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menilai keupayaan pengaruh sistem sokongan yang terdiri daripada sokongan pentadbir, sokongan komuniti guru, sokongan penglibatan ibu bapa dan sokongan agensi luar dalam membentuk kemahiran keusahawanan agro dalam kalangan MBK Bermasalah Pembelajaran serta terhadap kelangsungan program. Rasional kajian ini dijalankan kerana terdapat beberapa sekolah yang telah berhenti menjalankan program ini walhal program yang baik ini seharusnya mempunyai kesinambungan ke arah membentuk agropreneur dalam kalangan MBK Bermasalah Pembelajaran. Reka bentuk kajian kualitatif (temu bual) dijalankan melibatkan 14 orang guru Pendidikan Khas di 14 buah sekolah yang terlibat dengan program tanaman cendawan di Pulau Pinang. Hasil kajian mendapati faktor sokongan pihak pentadbir, guru dan agensi luar sangat mempengaruhi kelangsungan program tanaman cendawan kepada murid Bermasalah Pembelajaran ini. Manakala sokongan ibu bapa dan guru adalah paling berpengaruh dalam membentuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan murid ini. Walaupun terdapat kekurangan daripada aspek infrastruktur, bantuan pembiayaan dan teknologi dalam penanaman cendawan di sekolah, namun sokongan padu dan jalinan kolaborasi antara semua pihak ini berupaya memastikan kelangsungan program ini dalam memberi pendedahan asas kerjaya dalam bidang keusahawanan agro. Sehubungan itu, sokongan pentadbir dan pihak atasan seperti Jabatan Pendidikan Negeri serta Kementerian Pendidikan Malaysia melalui suntikan modal dan latihan pengembangan kepada guru perlu diberi penekanan. Selain itu, faktor keutuhan hubungan ibu bapa dengan guru melalui sokongan terhadap program tanaman cendawan perlu utuh, agar matlamat membentuk agropreneur dalam kalangan murid Bermasalah Pembelajaran tercapai. Murid dalam kategori ini amat memerlukan jalinan kolaborasi dan sokongan padu semua pihak dalam perjalanan membentuk keyakinan diri mereka menempuh alam pekerjaan kelak.

Kata Kunci: Keusahawanan Agro, Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran, Program Tanaman Cendawan, Sistem Sokongan, Transisi Kerjaya

Abstract: The stigma of society that underestimate and restricts the opportunity of Disabled Person to be integrated into occupational organizations has caused them to be in the midst of poverty. Therefore, this group need to be exposed as early as formal education to develop vocational skills, especially entrepreneurship, in order to be able to remain independent in the future. The idea of mushroom cultivation programme by the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) and District Farmer's Organisation (PPK) Seri Pulau, Pulau Pinang, to Special Needs Students (MBK) in the Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) in government secondary schools was set up as a basic transitional programme in agro-entrepreneurship. Therefore, this study was conducted to evaluate the capacity of the support system, consisting of administrators' support, teacher community support, parental involvement support and external agency support in developing agro-entrepreneurial skills among Special Needs Students (MBK) with Learning Difficulties as well as on the viability of the programme. The rationale for this study is that there are some schools that have ceased to carry out this programme although this good programme should have a continuation towards developing agropreneur among pupils with Learning Difficulties. The design of qualitative studies (interviews) involved 14 Special Education teachers in 14 schools involved with the mushroom cultivation programme in Pulau Pinang. The findings showed that the support factors of administrators, teachers and external agencies greatly influences the viability of the mushroom cultivation programme to these Learning Difficulties students.

While the support of parents and teachers is the most influential in developing entrepreneurial skills amongst these students. Even there is a lack of infrastructure, funding and technology assistance in mushroom cultivation in schools, the solid support and collaborative linkages between these parties was able to ensure the viability of the programme in providing agro-basic exposure on agro-entrepreneurship. In this regard, the support of administrators and senior officials such as the State Education Department (JPN) and the Ministry of Education (KPM) through capital injection and development training to teachers should be emphasized. Additionally, the factor of parents' relationship integrity with the support of the mushroom cultivation programme needs to be intact, so that the goal of forming agropreneur among students with Learning Difficulties will be achieved. Students in this category require collaboration ties and strong support from all parties in the course of forming their self-confidence to face the competitive working environment in future.

Keywords: Agro Entrepreneurship, Special Needs Students with Learning Difficulties, Mushroom Cultivation Programme, Support System, Career Transition

Pengenalan

Perjuangan terhadap hak asasi Orang Kelainan Upaya (OKU) berkembang sejak zaman Pergerakan Hak Asasi Manusia pada awal 1960an lagi. Isu yang membelenggu golongan ini belum lagi menemui jalan penyelesaian yang muktamad terutama bagi negara-negara membangun. Isu pendidikan, isu keselamatan, kemudahan, pengangkutan, pekerjaan dan sebagainya masih lagi membelenggu golongan OKU di serata dunia (Oliver, 1990). Masyarakat merupakan entiti yang berpengaruh dalam memberikan impak daripada pelbagai aspek kehidupan OKU. Justeru itu, sokongan masyarakat sekeliling sangat diperlukan oleh golongan OKU dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Diskriminasi terhadap OKU menyebabkan wujudnya pandangan stereotaip terhadap pekerja OKU dan permohonan pekerjaan baharu dalam kalangan OKU (Draper et al., 2010; Ta & Leng, 2013). Kajian Ilona dan Ruta (2010) mendapati bahawa tiga cabaran utama dalam mengintegrasikan pekerja OKU dalam organisasi ialah cara untuk menarik minat OKU supaya cenderung bekerja, penyediaan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan cara membina hubungan interpersonal di antara pihak majikan dan pekerja OKU. Hazlin et al. (2015) pula berpendapat masih ada lagi majikan yang mempunyai sikap memandang rendah terhadap OKU. Isu OKU yang sukar mendapat pekerjaan adalah kerana stigma negatif di pihak majikan dan masyarakat serta isu-isu lain yang membelenggu mereka untuk bekerja. Justeru itu, kewujudan program tanaman cendawan dilihat sangat relevan dalam memenuhi aspirasi pelbagai pihak terutama kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK), khususnya dalam bidang pertanian dan keusahawanan yang disebut juga sebagai keusahawanan agro (*agribusiness*). Tambahan lagi, program tanaman cendawan ini dapat mengisi keperluan terhadap salah satu kemahiran vokasional sebagai persediaan menempuh alam kerjaya yang kian mencabar.

Pihak Petubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority/ NCIA) mengorak langkah dengan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar sekolah dalam penanaman cendawan bagi memastikan pertambahan golongan usahawan muda pada masa akan datang. NCIA misalnya, telah menjalankan Program Latihan Vokasional, Pertanian dan Keusahawanan Sekolah (Agricultural Vocational School Enterprise Training Program/AVSETP) kepada beberapa sekolah terpilih di Pulau Pinang. Objektif utama program ini ialah untuk memberi latihan pekerjaan kepada murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dalam bidang tanaman

cili secara fertigasi dan tanaman cendawan. Objektif lain ialah melatih mereka mengendalikan pemasaran dan perniagaan hasil tani. Niat murni ini seterusnya diperluaskan oleh PPK Seri Pulau menerusi Program ‘Touch Point’ Tanaman Cendawan di bawah peruntukan sebanyak RM20,000 yang diluluskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (Sinar Harian, 2014). Program tanaman cendawan ini berusaha memupuk minat pelajar sekolah menceburi industri tanaman cendawan di negara ini pada masa hadapan dengan mensasarkan kepada lima objektif iaitu (i) memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar dalam penanaman cendawan, (ii) menarik minat pelajar dan usahawan muda menceburi bidang pertanian, (iii) melengkapkan bekalan makanan tambahan di bawah Dasar Agromakanan Negara, (iv) memaksimumkan pengeluaran cendawan yang segar dan bermutu tinggi dan (v) mewujudkan rantaian nilai yang lengkap dari pemberian sehingga pemasaran. Majoriti murid yang terlibat dalam program ini adalah Murid Berkeperluan Khas (MBK) daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) (PPK, 2018).

Pengisian program tanaman cendawan di sekolah dalam kalangan MBK ini dilihat mampu menyuntik minat murid dalam bidang pertanian, sekaligus membentuk seorang agropreneur yang mampu berdikari. Rasional kajian ini dijalankan kerana terdapat beberapa sekolah yang telah berhenti menjalankan program ini walhal program yang baik ini seharusnya mempunyai kesinambungan ke arah membentuk agropreneur dalam kalangan MBK Bermasalah Pembelajaran. Lantas kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh sistem sokongan terhadap kelangsungan program tanaman cendawan serta terhadap kemahiran keusahawanan murid Bermasalah Pembelajaran di Pulau Pinang. Segala aspek dari sudut sistem sokongan yang terdiri daripada sokongan pentadbir, komuniti guru, ibu bapa dan agensi luar diperhalusi dan diberi cadangan penambahbaikan agar kelangsungan program ini dapat diteruskan saban tahun kepada MBK Bermasalah Pembelajaran lantas mencetuskan minat mereka untuk bergelar seorang agropreneur.

Kajian Literatur

Menurut Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), MBK adalah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi atau ketidakupayaan serta masalah yang dinyatakan di atas. Kategori ketidakupayaan Bermasalah Pembelajaran (BP) pula dianggap sebagai masalah neurologi. Masalah ini berkaitan dengan cara otak menerima, memproses, menganalisis dan menyimpan maklumat. Masalah pembelajaran merupakan kecelaruan dalam satu atau lebih daripada satu proses psikologi yang melibatkan kefahaman, penggunaan bahasa lisan atau bertulis. Kecelaruan ini boleh menjelaskan keupayaan mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja atau mengira. Masalah pembelajaran termasuklah masalah pembelajaran akademik, bahasa, ingatan, sosioemosi, kemahiran motor dan koordinasi serta hiperaktif. Kategori murid-murid BP adalah seperti Disleksia, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), *Slow Learner*, Autisme, Sindrom Down terencat akal ringan (Bahagian Pendidikan Khas, 2015).

Menurut Aznan (2003), transisi ditakrifkan sebagai masa yang dihadapi oleh mereka yang kurang upaya selepas meninggalkan bangku sekolah sehingga mendapat pekerjaan. Namun begitu, transisi mengikut konteks MBK Bermasalah Pembelajaran adalah gabungan aktiviti untuk murid, melalui hasil dapatan daripada orientasi yang membentuk pergerakan dan sekolah ke aktiviti selepas tamat sekolah termasuk pendidikan selepas menengah, latihan

vokasional, integrasi pekerjaan secara berterusan, pendidikan dan perkhidmatan dewasa, hidup berdikari serta penglibatan komuniti (William-Diehm & Lynch, 2007). Bagi setiap kategori kecacatan, program transisi mempunyai reka bentuk tersendiri dan harus disesuaikan dengan keadaan di sesuatu tempat atau persekitarannya (Smith, 2001). Hal ini melibatkan proses yang komprehensif yang melibatkan ibu bapa, guru-guru dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pelajar tersebut. Maka program transisi ini merupakan proses awal dalam menyediakan kemahiran diri kepada pelajar berkeperluan khas untuk menghadapi alam pekerjaan.

Kajian berkaitan penyediaan sistem sokongan dalam program transisi kerjaya yang kerap dinyatakan adalah pendidikan kerjaya dan alam pekerjaan (Landmarks, 2010; Lengnick Hall et al., 2011; Morningstar et al., 2012), sokongan sistem sekolah terhadap pembelajaran murid bermasalah pembelajaran, pendidikan inklusif (Md. Amin et al., 2010), advokasi (Lindstrom, 2007), bantuan pembiayaan (Noonan et al., 2008; Wright, 2011), kemudahan infrastruktur (Green & Bryant, 2007), sokongan daripada pihak pentadbiran (Carter et al., 2011), sokongan daripada teknologi maklumat dan perkhidmatan pemantauan (Rydberg, 2010).

Justeru itu, model yang relevan dengan kajian ini ialah Model Taksonomi Program Transisi (Kohler 1996). Model ini adalah berdasarkan fahaman bahawa program transisi ini melibatkan peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam pelaksanaan dan aktivitinya. Fokus model ini adalah proses dan objektif atau hasil pembelajaran program (Madinah 2014). Model ini dibina berdasarkan hasil pembelajaran dalam empat program pendidikan untuk mengenal pasti amalan terbaik proses transisi sekolah menengah beserta bukti-bukti kajian yang dijalankan di samping model yang mendemonstrasikan aktiviti program transisi berdasarkan hasil pembelajaran (Kohler 1996). Berdasarkan dapatan, kaedah ini telah mengorganisasikan lima kategori utama yang berkaitan dengan organisasi sekolah dan arahan untuk memudahkan pelaksanaan proses transisi iaitu struktur program, perancangan berfokuskan pelajar, pembangunan pelajar, kolaborasi antara agensi dan penglibatan ibu bapa. Walaubagaimanapun skop kajian ini hanya akan menfokuskan aspek sistem sokongan sahaja dalam amalan pembangunan pelajar. Rasional pemilihan model ini adalah kerana ingin merungkai pengaruh sistem sokongan dalam transisi kerjaya yang mempengaruhi kelangsungan program tanaman cendawan kepada murid Bermasalah Pembelajaran ini.

Selain itu, kumpulan sokongan ibu bapa (Culver, 2012; Rosmiza et al., 2019), sokongan daripada aspek penglibatan dalam komuniti (Wandry et al., 2008; Farooq et al., 2011; Rosmiza et al., 2019) seperti guru, kakitangan sekolah dan rakan-rakan untuk memperkembangkan kemahiran sosial (Bernsden & Luckner, 2012) turut mempengaruhi amalan terbaik dalam sesebuah program transisi kerjaya. Taylor (2012) pula menekankan bahawa peranan dan sikap guru-guru sangat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar. Justeru itu, guru perlu mempromosikan sikap mencerminkan diri atau menunjukkan keyakinan diri (*self-esteem*) yang tinggi untuk memberi motivasi dan membentuk sikap positif dalam diri pelajar. Guru memainkan peranan yang sangat penting sebagai perancang, pembangun dan penilai dalam pendidikan vokasional ini (Taylor, 2012). Oleh itu, guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar pendidikan vokasional kepada MBK Bermasalah Pembelajaran ini. Seterusnya, penglibatan ibu bapa juga telah dikenal pasti sebagai elemen yang dapat membantu menggalakkan prestasi sosial, emosi, fizikal, akademik dan meningkatkan kemahiran pekerjaan dalam kalangan murid ini (Noraini et al., 2015).

Banyak kajian telah membuktikan MBK Bermasalah Pembelajaran boleh bekerja dan berminat dalam pelbagai bidang yang menjurus kepada keusahawanan dengan sokongan pelbagai pihak. Kajian oleh Mashitah Hayati dan Suhaida (2014) misalnya, telah mendapati terdapat beberapa orang murid yang telah mahir membuat kek, roti dan pizza dan murid-murid tersebut telah menjalankan perniagaan sendiri bersama keluarga dengan kemahiran yang telah diperolehi di sekolah walaupun tidak mendapat sebarang sijil kemahiran. Selain itu, sokongan komuniti sekolah yang terdiri daripada guru dan rakan-rakan dalam projek ternakan ikan keli kepada MBK Bermasalah Pembelajaran mendapati murid Bermasalah Pembelajaran boleh bersosial dan berkomunikasi dengan pelajar biasa dengan lebih yakin. Bukti wujud persahabatan dan nilai keakraban di sepanjang program berjalan (Md. Amin et al., 2010). Kesemua nilai dan kemahiran ini penting dalam membentuk sifat keusahawanan dalam diri seseorang. Kajian oleh Siti Nor Idayu (2015) juga membuktikan bahawa murid yang menjalani latihan transisi kerjaya asas di sekolah hanya menggunakan sijil kemahiran yang dikeluarkan oleh pihak sekolah untuk bekerja dan terbukti dapat digunakan untuk mendapatkan pekerjaan. PPKI sekolah berkenaan menjalankan program transisi melalui Program Keusahawanan dan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) Kemahiran Hidup (KH) Masakan dan Kraftangan. Hasilnya melalui aktiviti tersebut mereka berpeluang belajar menghasilkan produk sendiri, bekerja di dalam kumpulan, berkomunikasi dengan pelanggan, menerima arahan dan membuat kiraan dalam proses jualan sesuatu produk.

Metod dan Kawasan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan strategi penyelidikan kajian kes bagi mencapai tujuan penyelidikan iaitu untuk menilai pengaruh sistem sokongan sebagai penentu kejayaan program penanaman cendawan dalam kalangan MBK Bermasalah Pembelajaran. Selain itu, pelaksanaan program tanaman cendawan sebagai asas transisi kerjaya kepada MBK Bermasalah Pembelajaran turut ditinjau.

Kaedah persampelan bertujuan digunakan melibatkan guru (peserta) yang terlibat secara langsung dalam program tanaman cendawan di 14 buah sekolah sekitar Pulau Pinang. Sekolah yang dipilih ialah sekolah yang menjalankan program tanaman cendawan kepada MBK Bermasalah Pembelajaran. Oleh itu seramai 14 orang guru Pendidikan Khas yang mewakili setiap sekolah (14 buah) terlibat dalam menjawab persoalan kajian melalui kaedah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Selain itu kaedah pemerhatian di lapangan dan temu bual bersama pegawai PPK turut dijalankan


Kawasan kajian dijalankan di Pulau Pinang iaitu salah satu daripada 13 buah negeri di Malaysia. Negeri ini terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Terdapat lima buah daerah di negeri Pulau Pinang iaitu daerah Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Lokasi letakan sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini meliputi di kelima-lima daerah tersebut (Rajah 1).

Jadual 1: Senarai Sekolah yang Terlibat dalam Program Tanaman Cendawan Melibatkan MBK Bermasalah Pembelajaran

Bil	Nama sekolah	Lokasi (daerah, negeri)
1	SK Titi Teras	Balik Pulau, Pulau Pinang
2	SK Balik Pulau	Balik Pulau, Pulau Pinang
3	SMK Seri Balik Pulau	Balik Pulau, Pulau Pinang

4	SK Permatang Damar Laut	Bayan Lepas, Pulau Pinang
5	SMK Sungai Nibong	Bayan Lepas, Pulau Pinang
6	SMK Teluk Kumbar 2	Bayan Lepas, Pulau Pinang
7	SMK Jelutong	Georgetown, Pulau Pinang
8	SMK Padang Polo	Georgetown, Pulau Pinang
9	SMK Tanjung Bunga	Tanjung Bungah, Pulau Pinang
10	SMK Kepala Batas	Seberang Prai Utara, Pulau Pinang
11	SMK Machang Bubuk	Bukit Mertajam, Pulau Pinang
12	SMK Mengkuang	Bukit Mertajam, Pulau Pinang
13	SMK Mak Mandin	Butterworth, Pulau Pinang
14	SMK Jawi	Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang

Sumber: Pertubuhan Peladang Kawasan, 2018



Sumber: JPBD, 2019

Rajah 1: Taburan Sekolah-Sekolah Yang Terlibat Dalam Program Tanaman Cendawan Di PPKI Di Pulau Pinang

Hasil Kajian dan Perbincangan


Pengaruh Sistem Sokongan terhadap Kelangsungan Program Tanaman Cendawan

Kajian oleh Madinah (2014) menyatakan sistem dan perkhidmatan sokongan merupakan salah satu elemen yang diperlukan untuk menjayakan program transisi kerjaya di sekolah. Ini terbukti berdasarkan hasil kajian, aspek dalam sistem sokongan dilihat sangat mempengaruhi

kesinambungan atau kejayaan program penanaman cendawan kepada MBK ini. Ini berpandukan maklum balas yang diberikan oleh informan. Aspek dalam sistem sokongan ini dibahagikan kepada enam tema iaitu sokongan pihak pentadbiran, sokongan penglibatan komuniti (guru, kakitangan sekolah dan rakan-rakan), sokongan ibu bapa, kemudahan infrastruktur dan bantuan pembiayaan. Hasil kajian mendapat sokongan pentadbir dalam mempengaruhi kejayaan program tanaman cendawan mendapat maklum balas tertinggi daripada informan. Ini diikuti oleh sokongan penglibatan komuniti guru. Manakala sokongan ibu bapa pula mendapat maklum balas paling tinggi dan latihan kemahiran kepada guru mendapat maklum balas kedua tertinggi dalam keperluan terpenting untuk menjadikan dan menjayakan program tanaman cendawan sebagai suatu program transisi.

Berdasarkan pemerhatian di 14 buah sekolah tersebut, temu bual bersama informan dan pegawai PPK mendapat walaupun terdapat kekurangan daripada aspek infrastruktur, bantuan pembiayaan dan teknologi dalam penanaman cendawan, namun faktor sokongan pihak pentadbir dan sokongan penglibatan komuniti guru dilihat paling mempengaruhi kelangsungan program tanaman cendawan di sekolah kepada murid Bermasalah Pembelajaran ini.

Sokongan Pihak Pentadbir



Rajah 2: Maklum Balas Informan Berkaitan Sokongan Pihak Pentadbir

Berdasarkan Rajah 2, sebanyak 11 orang informan (79%) menyatakan ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ bahawa program tanaman cendawan di sekolah mereka mendapat sokongan daripada Pengetua dan Guru Besar. Manakala seorang informan menyatakan Tidak Setuju dan dua orang informan menyatakan ‘Kurang setuju’. Ini merujuk kepada informan daripada tiga buah sekolah yang telah menghentikan program tanaman cendawan di sekolah mereka. Walaupun majoriti informan iaitu 13 orang (93%) menyatakan ‘Setuju’ dan ‘Sangat setuju’ berkaitan misi sekolah mereka yang jelas untuk membantu program asas transisi kerjaya seperti program tanaman cendawan kepada MBK Bermasalah Pembelajaran ini, namun, kejayaannya juga bergantung kepada sokongan pihak pentadbir. Ini turut disokong oleh kenyataan Informan A (Pegawai PPK),

“...Sekolah X GB dia memang minat...bergantung pada orang atas...macam dasar berubah...GB Sekolah X ni dulu GB di Sekolah Y...Sekolah Y memang dia dah buat...bila dia dia pindah Sekolah X dia buat di sana pulak...macam contoh dulu Sekolah Z buat...Selepas itu, GB dia pence...guru yang buat tu dah bertukar...lepas tu tak buat dah...bila kita tanya minat tak nak buat...mereka kata tidak ada orang dah nak buat...sebab dia bergantung pada

orang yang nak kelola tu kan...yang nak handle tu..." (Informan A, Pegawai PPK).

Ini dibuktikan juga oleh kenyataan seorang informan yang menyatakan,

"...Guru Besar sangat menyokong program tanaman cendawan ini. Beliau mempelopori program ni masa di sekolah lama beliau di sekolah L dan bila pindah ke sekolah K beliau masih mahu meneruskan projek tanaman cendawan di sini pula. Walaupun ruang kosong di tepi tangga agak sempit, tapi Guru Besar melihat tempat tersebut redup dan sesuai untuk letak bongkah cendawan. Projek tanaman cendawan masih bertahan sehingga tahun ini di sekolah kami..." (Guru 11, Sekolah K).

Dapatkan ini selaras dengan kajian Madinah (2014) yang menyatakan sokongan pihak pentadbiran sekolah dan guru adalah perlu dalam menjalankan sesuatu pendidikan asas vokasional. Menurut Aliza (2013) pula, kejayaan program transisi juga akan bergantung kepada sokongan daripada pentadbiran sekolah. Oleh itu, sekolah-sekolah harus menyokong program dengan menyediakan alat, bahan dan tempat latihan yang diperlukan.

Sokongan Penglibatan Komuniti Guru

Seterusnya pengaruh sokongan penglibatan komuniti guru turut mempengaruhi kejayaan atau kesinambungan program tanaman cendawan di sekolah. Hasil temu bual bersama seorang informan menyatakan bahawa faktor perpindahan guru yang terlatih dalam bidang tanaman cendawan akan mempengaruhi kesinambungan program tersebut di sekolah. Beliau menyatakan,

"...Saya harap pihak berkenaan buka peluang latihan pada setiap tahun kerana realitinya guru yang berkursus tidak akan kekal selamanya di sesebuah sekolah dan akan diganti oleh guru lain yang tidak diberi kursus dan latihan..." (Guru 04, Sekolah D).

Perkara ini terbukti dengan beberapa dapatan kajian Abdul Rahman (2016) yang menyatakan guru-guru yang berpengalaman mempunyai tahap kesediaan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang tinggi berbanding guru yang kurang berpengalaman.

Salah sebuah sekolah yang telah berhenti menjalankan program tanaman cendawan ini turut menunjukkan bahawa faktor sokongan penglibatan komuniti guru adalah faktor penyebab mereka berhenti menjalankan program ini selain masalah penyakit dan ketidaksesuaian kawasan. Informan tersebut menyatakan,

"...Kami dah *stop* buat sebab kena serang anai-anai. Kawasan pun tak sesuai dan cuaca panas. Tambah lagi cikgu yang *incharge* dulu dah pindah. Jadi kami kurang pengalaman..." (Guru 12, Sekolah L).

Terdapat juga informan yang sangat efisyen dan bersemangat dalam melaksanakan program ini sehingga mempengaruhi kejayaan program tanaman cendawan di sekolahnya. Tambahan lagi sekolah beliau mendapat peruntukan rumah cendawan daripada NCIA. Beliau menyatakan:

“...Rumah cendawan dan *sprinkler* kita dapat daripada NCIA. *Fully funded*, jadi mudah untuk kita teruskan projek ini. Cuma sekolah saya mengubahsuai sedikit sistem pengairan kerana *sprinkler* dilihat sangat membazirkan air. Tapi, *overall* kita dah ada kemudahan, jadi mudah untuk cikgu menjalankan program ini kepada pelajar...” (Guru 02, Sekolah B).

Hasil temu bual bersama Informan A (Pegawai PPK) turut menyokong faktor guru sangat mempengaruhi kesinambungan program tanaman cendawan di sesebuah sekolah. Beliau menyatakan,

“...Sekolah ni isunya guru laa...bila guru dah tukar...macam sekolah depan ni sekolah W ni...masa kita buat 2015 tu...ada aliran pertanian...bila cikgu dia dah tukar...aliran tu dah takdak...takda sapa nak continue la kan...itu yang kita tengok under NCIA ni dia kepada Pendidikan Khas...Pendidikan Khas kan banyak aktiviti...*hands on* apa semua kan...jadi untuk Pendidikan Khas ini saya tengok dia boleh berterusan la...kalau sekolah biasa ni...dia ada pilihan la kan...” (Informan A, Pegawai PPK).

Informan A turut menyatakan bahawa selain faktor guru, kekangan yang lain untuk program ini ialah peruntukan atau sokongan bantuan pembiayaan.

“...Sekolah ni kadang dia bergantung pada cikgu dia. Fund takdak...peruntukkan la...kita bagi sikit ja. 5 rak untuk 360 bongkah...tapi permintaan tu banyak...tapi diaorang kalau boleh nak besarkan projek tu lagi...tapi peruntukan tu la yang menghalang nak kembangkan projek tu...” (Informan A, Pegawai PPK).

Ini bertepatan dengan penemuan kajian oleh Nurul Farahah (2018) menyatakan guru perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi supaya dapat membantu MBK Bermasalah Pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa di sekolah. Kesediaan guru dilihat sangat penting dalam konteks pelaksanaan pengajaran yang menjurus kepada proses inovasi dan mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesuatu pengajaran dalam bidang pendidikan (Abdul Rahman, 2016)

Kohler dan Greene (2004) merumuskan dalam kajiannya bahawa peranan sebagai individu dewasa perlu dibina dalam sistem persekolahan dan pengalaman lain yang memberi sokongan dan membantu memudahkan peluang berdasarkan keupayaan di dalam sokongan persekitaran. Justeru itu kedua-dua pengalaman iaitu berasaskan sekolah dan berasaskan komuniti termasuk persekitaran pekerjaan perlu didedahkan kepada pelajar agar dapat membantu mereka mendapat manfaat yang maksimum dan generalisasikan kemahiran dalam pelbagai persekitaran (Bowe, 2003; Kohler & Field, 2003; Carter et al., 2010; Landmark et al., 2010). Oleh itu, aspek penting dalam proses ini adalah memastikan wujudnya kemudahan dan sokongan dalam persekitaran komuniti.

Sokongan Agensi Luar

Kolaborasi bersama pihak luar terutama yang berkaitan dengan industri cendawan amat penting dalam menjayakan sesuatu program transisi kepada MBK Bermasalah Pembelajaran dan mencetuskan minat dan kemahiran dalam bidang keusahawanan agro. Hasil kajian mendapati, sebanyak 9 orang informan (64%) menyatakan sokongan pihak NCIA dan PPK

bersama Jabatan Pendidikan Negeri adalah keperluan yang paling penting untuk menjayakan program tanaman cendawan sebagai program transisi kerjaya. Ini dinyatakan seperti berikut;

“...Sokongan dan keperluan paling penting yang kita perlu ialah latihan daripada pihak berkenaan...sokongan berterusan ibu bapa dan sokongan modal...” (Guru 06, Sekolah F).

“...Saya harap pihak berkenaan buka peluang latihan pada setiap tahun kerana realitinya guru yang berkursus tidak akan kekal selamanya di sesebuah sekolah dan akan diganti oleh guru lain yang tidak diberi kursus dan latihan...” (Guru 04, Sekolah D).

“...Sekarang ada tapi JPN sebab tak keluarkan surat. So kami tak boleh pergi. Dulu ada. Dulu memang ada. Waktu tu dia hantar kami...theres no question about kenapa you pergi kursus tu. That time was JPN yang keluarkan surat so, no problem. Now, volunteer pergi tak boleh. Pengetua kata mana ada surat JPN...” (Guru 02, Sekolah B).

Beberapa kajian telah membuktikan pengaruh jalinan kolaborasi sangat memberi kesan kepada program transisi kerjaya. Devlieger dan Trach (1999) menyatakan bahawa sokongan dan kolaborasi antara agensi kepada seseorang pelajar dan keluarga merupakan faktor penting dan jika dilakukan dengan sempurna ia akan meningkatkan matlamat pencapaian. Namun, sekiranya dilakukan dengan lemah atau sambil lewa, justeru matlamat transisi akan terbatas dan tersekat.

Jelaslah bahawa jalinan kolaborasi antara PPK, NCIA, Jabatan Pendidikan Negeri bersama guru dan sekolah sangat diperlukan dalam memperkuatkan program tanaman cendawan ini. Dalam konteks program transisi kerjaya kepada MBK, jalinan kolaborasi ditakrifkan sebagai satu pasukan yang terdiri daripada pelajar, ibu bapa, wakil sekolah dan wakil-wakil agensi luar yang terlibat dalam pelaksanaan, penyelaras dan pembangunan pelan perkhidmatan transisi kepada murid berkeperluan khas (Madinah 2014).

Pengaruh Sistem Sokongan Terhadap Kemahiran Keusahawanan Murid Bermasalah Pembelajaran


Hasil kajian mendapati, sokongan pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa sangat mempengaruhi kemahiran keusahawanan murid dalam bidang tanaman cendawan ini. Maklum balas informan mendapati penglibatan ibu bapa terhadap program ini sangat rendah (Rajah 3). Justeru itu, tidak hairanlah program ini masih tiada kesinambungan setelah murid menamatkan alam persekolahan.

Aspek sistem sokongan ibu bapa adalah faktor yang paling berpengaruh untuk menjayakan dan menjadikan program tanaman cendawan sebagai program transisi kerjaya kepada murid Bermasalah Pembelajaran dan seterusnya membentuk minat sebagai agropreneur. Maklum balas informan mendapati aspek sokongan ibu bapa sebagai aspek sokongan yang tertinggi dengan dinyatakan oleh 11 orang informan (79%). Ini dibuktikan daripada beberapa sesi temu bual seperti berikut;

“...Sokongan dan kerjasama ibu bapa paling pentinglaa...kalau mereka tak menyokong anak mereka, susah juga untuk murid teruskan...” (Guru 04, Sekolah D).

“...Paling penting untuk murid teruskan tanaman cendawan ni...sokongan keluarga mereka sendiri...” (Guru 05, Sekolah E).

Namun, maklum balas daripada informan mendapati, realiti penglibatan ibu bapa terhadap program tanaman cendawan bersama murid di sekolah masih terlalu rendah dengan 10 orang guru (71%) memberi maklum balas dalam skala Kurang setuju, Tidak setuju dan Sangat tidak setuju (Rajah 3).



Rajah 3: Maklum Balas Guru Berkaitan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Program Tanaman Cendawan Bersama Murid

Selain itu, kumpulan sokongan ibu bapa juga adalah penting bagi memastikan kejayaan program tanaman cendawan ini (Rosmiza et al., 2019). Progam transisi sekolah boleh menjadi pemangkin dalam kefahaman dan penerimaan pelbagai pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pendidikan khas (Greene & Bryant, 2003). Morningstar et al. (2012) turut menyatakan penglibatan ibu bapa dalam proses transisi dapat membantu mereka memahami keperluan anak serta membantu memperkuat usaha guru untuk menyediakan pendidikan dan latihan dengan lebih bermakna.

Beberapa pengkaji terdahulu telah membuktikan sokongan keluarga, guru dan sekolah mempengaruhi minat murid Bermasalah Pembelajaran ini dalam bidang keusahawanan. Mashitah Hayati dan Suhaida (2014) menyatakan sokongan keluarga menyebabkan murid mampu mengusahakan perniagaan kek, roti dan pizaa. Manakala strategi guru dalam projek tanaman serai dan teh serai berjaya melatih dan memahirkan murid Bermasalah Pembelajaran dalam bidang tersebut sehingga pelanggan berpuashati dengan hasil produk.

Selain itu, sokongan komuniti sekolah yang terdiri daripada guru dan rakan-rakan dalam projek ternakan ikan keli kepada MBK Bermasalah Pembelajaran mendapati murid Bermasalah Pembelajaran boleh bersosial dan berkomunikasi dengan pelajar biasa dengan lebih yakin (Md. Amin et al., 2010). Kajian oleh Siti Nor Idayu (2015) juga membuktikan sokongan pentadbir dan guru PPKI sekolah berkenaan mempengaruhi kejayaan program transisi melalui Program Keusahawanan dan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) Kemahiran Hidup (KH) Masakan dan Kraftangan. Hasilnya melalui aktiviti tersebut mereka berpeluang belajar menghasilkan produk sendiri, bekerja di dalam kumpulan, berkomunikasi dengan pelanggan, menerima arahan dan membuat kiraan dalam proses jualan sesuatu produk.

Cabarau ke Arah Kelangsungan Program Tanaman Cendawan sebagai Program Transisi Kerjaya Keusahawanan Agro terhadap MBK Bermasalah Pembelajaran

Walaupun kejayaan dan daya maju program tanaman cendawan dilihat masih berterusan untuk 11 buah sekolah di kawasan kajian, namun terdapat tiga buah sekolah yang telah menghentikan program ini. Dalam 11 buah sekolah yang masih meneruskan program ini, ada enam buah sekolah yang tidak mendapat penajaan dan menguruskan infrastruktur rumah cendawan sendiri, namun sekolah-sekolah tersebut berjaya menguruskan program tanaman cendawan tersebut. Walaupun kekurangan daripada segi infrastruktur seperti sistem pengairan secara manual dan ruang rumah cendawan yang terhad, namun kesediaan guru (sokongan penglibatan komuniti) dan sokongan pihak pentadbir telah berjaya menjadikan program tanaman cendawan ini diteruskan sebagai program asas transisi kerjaya kepada murid Bermasalah Pembelajaran ini.

Bagi 3 buah sekolah yang telah berhenti menjalankan program tanaman cendawan ini, didapati aspek infrastruktur dilihat mempengaruhi kejayaan atau kesinambungan program tanaman cendawan tersebut. Jika aspek tersebut diberi penambahbaikan, berkemungkinan program tanaman cendawan ini masih boleh diteruskan. Salah seorang informan menyatakan,

“...Kami tak buat sebab masalah tempat. Sebab sebelum ni buat dalam kelas, tapi kelas nak guna untuk tahun ni. Nak buat di luar ada ancaman lutong...” (Guru 13, Sekolah M).

Menurut informan seterusnya,

“...Sekarang murid yang *functional* dah kurang, jadi sukar nak jalankan projek cendawan. Tambah lagi musim panas, memang susah nak buat...kami buat sendiri rumah cendawan guna kayu...tapi dah tak buat ni habis kami cabut dah...” (Guru 14, Sekolah N).

Hal ini bertepatan dengan kajian Madinah (2014) yang menyatakan aspek penyediaan sumber, bahan dan peralatan bagi pendidikan asas vokasional adalah satu keperluan. Selain itu, ianya juga perlu bagi memastikan keadaan bengkel/ bilik-bilik khas adalah kondusif serta selamat sepanjang berlangsungnya pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC). Latihan pravokasional ini tidak hanya tertumpu kepada pembelajaran secara teori sahaja tetapi melibatkan aktiviti amali. Aktiviti amali dijalankan di bengkel/ bilik-bilik khas kerana kelengkapan dan kemudahan yang ada dapat membantu proses aktiviti amali (Aliza, 2013).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa sokongan daripada semua pihak dan kolaborasi antara mereka sangat diperlukan dalam memastikan kesinambungan dan kejayaan sesuatu program transisi kerjaya kepada murid Bermasalah Pembelajaran ini. Dalam konteks program tanaman cendawan ini, faktor-faktor dalam sistem sokongan seperti sokongan pentadbir, penglibatan komuniti guru, sokongan ibu bapa, bantuan pembiayaan dan infrastruktur adalah antara keperluan yang dinyatakan oleh guru-guru Pendidikan Khas ini dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program cendawan di sekolah mereka. Selain itu, usahasama dengan pihak agensi luar yang berkaitan cendawan masih diperlukan oleh guru dan murid ini dalam membantu mereka mengatasi pelbagai isu dan cabaran dalam pelaksanaan program tanaman cendawan.

Selain daripada kemahiran menanam cendawan, kemahiran lain yang merentasi program ini adalah seperti kemahiran sosial dan keyakinan diri di samping menerapkan nilai-nilai murni dalam aktiviti yang dijalankan seperti kejujuran, kasih sayang, bertanggungjawab dan rajin. Program tanaman cendawan harus diteruskan saban tahun kerana program ini secara tidak langsung akan membantu murid Bermasalah Pembelajaran menguasai kemahiran-kemahiran tersebut agar dapat berdikari dalam masyarakat setelah tamat persekolahan.

Penghargaan

Setulus penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sumbangan dana penyelidikan GUP 2016-023.

Rujukan

- Abdul Rahman, H. (2016). Kesediaan, pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran mengajar Kemahiran Hidup Pertanian. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aliza Alias. (2013). The issues in implementing transition program for special needs students. *Asian Social Science*, 9(16), 1911-2025.
- Aznan Che Ahmad, Veronica Donald Chin, Jelin Tunggal & Salizawati Omar. (2010). Projek serai dan teh serai oleh murid-murid bermasalah pembelajaran program integrasi di Penampang, Sabah. Retrieved from <https://www.researchgate.net>.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2015). Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi. Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Berdsen, M., & Lucker, J. (2012). Supporting students who are deaf or hard of hearing in general education classrooms: A Washington state case study. *Communication Disorders Quarterly*, 33(2), 111-118.
- Bowe, F.G. (2003). Transition for deaf and hard-of-hearing students: A blueprint for change. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 8(4), 486-493.
- Carter, E.W. (2010). Self-determination and transition age youth with emotional or behavioural disorders: Promising practices. In Cheney, D. (Ed.) *Transition of secondary students with emotional or behavioural disorders* (pp. 51-78). Champaign, IL, Research Press.
- Carter, E.W., Audrey, A.T., Ditchman, N., Swedeon, B., & Owens, L. (2011). Community-based summer work experiences of adolescents with high incidents disabilities. *Journal of Special Education*, 45(2), 89-103.
- Culver, R. (2011). Living in silence: A qualitative sociological examination on the deaf and hard hearing (PhD dissertation). Retrieved from Tennessee Tech University.
- Devliger, P., & Trach, J. (1999). Meditation as a transition process. The impact on postschool employment outcomes. *Exceptional Children*, 65, 507-523.
- Draper, W.R., Reid, C.A., & McMohan, B.T. (2010). Workplace discrimination and the perception of disability. *Rehabilitation Counseling Bulletin*, 55(1), 29-37.
- Farooq, G., Ajmal, M., & Nafees, M. (2011). Evaluation of curriculum of vocational subjects for hearing impaired children. *Interdisciplinary Journal Contemporary Research in Business*, 5(3), 352-359.
- Green, G., & Kocher-Bryant, C. (2003). Pathways to successful transition for youth with disabilities. Columbus, OH, Merrill Prentice-Hall.
- Hazlin Falina Rosli, Safura Ahmad Sabri, Norazla Abdul Wahab & Nurzakira Afnee Zakaria. (2015). Kesedaran golongan majikan terhadap orang kurang upaya (OKU) di Malaysia.
- Ilona, B., & Ruta, K. (2010). Integrating people with disability into the workforce: The case of a retail chain. *International Journal of Equality, Diversity and Inclusions*, 29(5),

- 534-538. International Conference on Management & Muamalah. Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 16-17 November.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). (2019). Geoportal Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang. Retrieved from <http://jpbdgeoportal.penang.gov.my>.
- Kohler, P.D. (1996). Taxonomy for transition programming: A model for planning, organizing and evaluating transition education, services and programs. Retrieved from <https://www.nssed.org>.
- Kohler, P.D., & Greene, G. (2004). Strategies for integrating transition-related competencies into teacher education. *The Journal of the Teacher Education Division of the Council for Exceptional Children*, 27(2), 146-162.
- Kohler, P.D., & Field, S. (2003). Transition-focused education: Foundation for the future. *The Journal of Special Education*, 37(3), 174-183.
- Landmark, L.J., Ju, S., & Zhang, D. (2010). Substantiated best practices in transition: Fifteen plus years later. *Career Development for Exceptional Individuals*, 33(3), 165-176.
- Lengnick-Hall, M.L., Philip, M., Gaunt, P.M., Adrienne, A.R. & Brooks. (2011). Barriers to hiring people with disabilities: A review of the literature why employers don't hire people with disabilities. *International Conference on Social Science and Humanity IPEDR* vol.5.
- Lindstrom, L., Doren, B., Metheny, J. Johnson, P., & Zane, C. (2007). Transition to employment: Role of the family in career development. *Exceptional Children*, 73(3), 348-366.
- Madinah Mohd Yusof. (2014). Pelaksanaan program transisi kerjaya pendidikan khas bermasalah pendengaran (PhD dissertation). Retrieved from Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mashitah Hayati Mad Isa & Suhaida Abdul Kadir. (2014). Kemahiran vokasional diperlukan pelajar Pendidikan Khas Integrasi bermasalah pembelajaran sekolah menengah harian. First Technical and Vocational Education International Seminar. 1-10. Retrieved from <https://www.academia.edu>.
- Md. Amin Kasbin, Safani Bari, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Taha. (2010). Pembinaan sistem sokongan dan jalinan kolaborasi dalam pelaksanaan program inklusif pelajar berkeperluan khas: Satu kajian kes di sebuah sekolah menengah Program Integrasi masalah pembelajaran di Johor. Retrieved from <https://www.scribd.com>.
- Morningstar, M.E., Bassett, D.S., Kocchhar-Bryant, C., Cashman, J., & Wehmeyer, M.L. (2012). Aligning transition services with secondary education reform: A position statement of the division on career development and transition. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*, 35(3), 132-142.
- Noonan, P.M., Morningstar, M.E., & Erickson, A.M. (2008). Improving interagency collaboration: Effective strategies used by high-performing local districts and communities. *Career Development for Exceptional Individuals*, 31(3), 132-143.
- Noraini Abdullah, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Abang Adam Abang Deli & Nur Aishah Abdullah. (2015). Vocational education as a career pathway for students with learning issues and obstacles in the implementation. *International Journal of Education and Social Science*, 2(3), 98-104.
- Nurul Farahah Derapa & Suziyani Mohamed. Kesediaan guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan mata pelajaran Asas Tanaman. *Jurnal Ortopedagogia*, 4(1), 66-71
- Oliver, M. (1990). The Individual and Social Model of Disability.
- Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). (2018). Program Touch Point Tanaman Cendawan, Pulau Pinang. Interview, 18 Disember.

- Rosmiza, M. Z., Mimi Halida Ghazali, Rosniza Aznie Che Rose & Christina Andin. (2019). Pengaruh sistem sokongan sebagai penentu kejayaan program tanaman cendawan oleh Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran. A Proceeding: International Research Conferences on Multidisciplinary in Social Sciences and Technology (IRCMST 2019). 22-23 April. The Federal Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. 162-171.
- Rydberg, E. (2010). Deaf People and the Labour Market in Sweeden-Education-Employment-Economy. Orebro University.
- Sinar Harian. (2014). Tanam cendawan di sekolah. Retrieved from <https://www.sinarharian.com>.
- Siti Nor Idayu Mohd Nassir & Mohammad Hisyam Mohd Hasyim. (2015). Pelaksanaan program transisi bagi mempersiapkan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran (BPKMP) ke alam kerjaya. Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015, Kuala Lumpur, Malaysia. 9-10 Mac. 672-683. Retrieved from <http://WorldConferences.net>.
- Smith, D.D. (2001). Introduction to Special Education: Teaching in Age of Opportunity (2nd Ed). Boston, Allyn & Bacon.
- Ta, T.L., & Leng, K.S. (2013). Challenges faced by Malaysians with disabilities in the world of employment. Disability, CBR & Inclusive Journal, 24(1), 6-21.
- Taylor, S.L. (2012). An examination of secondary special education teachers' self-reported efficacy and performance through the use of case study methodology (PhD dissertation). Retrieved from University Auburn, Alabama.
- Wandry, D.L., Webb, K.W., Williams, J.M., Bassett, D.S., Asselin, S.B., & Hutchinson, S.R. (2008). Teacher candidates perceptions of barriers to effective transition planning. Career Development for Exceptional Individuals, 31, 14-25.
- William-Diehm, K.L., & Lynch, P.S. (2007). Students knowledge and perceptions of individual transition planning and its process. The Journal for Special Needs Education, 29(3), 13-21.
- Wright, M.P. (2011). A study of the relationship between the interagency collaboration of school counsellors in transition planning and the transition outcomes of hard-of-hearing adolescents (PhD dissertation). Retrieved from Capella University.